

19 Oktober 2023  
Cyberjaya

## KENYATAAN MEDIA

### **PENGGANTUNGAN SALURAN AWESOME TV DI PLATFORM MYTV**

MYTV Broadcasting Sdn Bhd (“MYTV”) akan menggantung saluran TV Awesome Broadcasting Sdn Bhd (Awesome TV) daripada bersiaran di platform penyiarannya. Penggantungan saluran Awesome TV yang akan berkuat kuasa bermula 2 November 2023 dilakukan berikutan terdapat isu-isu komersial melibatkan pembayaran fi akses kepada MYTV oleh Awesome TV walaupun pelbagai usaha telah diambil oleh kedua-dua pihak bagi mencari jalan penyelesaian bersama.

Penggantungan saluran Awesome TV ini adalah amat dikesali dan MYTV memohon maaf kepada para penonton di atas sebarang kesulitan disebabkan perkara tersebut. MYTV menghargai segala sokongan dan kerjasama daripada para penonton dan akan terus meningkatkan usaha dalam mencari penyelesaian terbaik demi kepentingan semua pihak.

MYTV kekal komited menawarkan saluran-saluran berkualiti tinggi dan akses kepada pelbagai kandungan yang menarik pada masa akan datang.

###

#### **Mengenai MYTV Broadcasting**

*MYTV Broadcasting bertanggungjawab untuk membangunkan dan mengendalikan infrastruktur rangkaian Televisyen Terestrial Digital (DTT) di bawah Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Projek ini bertujuan untuk mengubah landskap penyiaran TV di Malaysia sambil merapatkan jurang digital dalam kalangan rakyat dengan menyediakan kebolehcapaian dan akses sama rata kepada semua. MYTV merupakan satu-satunya platform di Malaysia yang menyediakan siaran TV Digital yang kini diakses oleh 6.3 juta rakyat Malaysia secara percuma, tanpa sebarang yuran atau caj bulanan.*

*Dalam usaha untuk menambahbaik perkhidmatan MYTV dan selaras dengan evolusi teknologi terkini, MYTV telah melancarkan aplikasi MYTV Mana-Mana yang membolehkan penonton sedia ada dan rakyat keseluruhannya mengakses rancangan TV dan radio serta kandungan “on-demand” kegemaran mereka pada bila-bila masa dan di mana sahaja.*

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi :

#### **Yarnizulaili Razali**

Pengurus – Pemasaran, Jenama & Komunikasi  
No.Telefon Bimbit: +6011 3200 0064  
Emel: [yarni@mtvb.my](mailto:yarni@mtvb.my)

**MYTV Broadcasting Sdn Bhd (897549-X).**



2271, Jalan Usahawan 2, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan



T: +603 8313 6988 | F: +603 8318 1910



[mytvbroadcasting.my](http://mytvbroadcasting.my)